

Tarikh Tutup: Penyertaan mestilah di terima sebelum 2 ptg. 5 November 2007

**MENANGI HADIAH WANG TUNAI!**  
berjumlah  
**RM 20,007**

**Cara mudah untuk menambah kekayaan Laburlah dalam unit amanah**

Penilaian simpanan dahulu tidak akan menentukan penilaian di masa hadapan. Nilai unit kepunyaan anda mungkin akan turun dan naik.

# Baca & MENANG

**HADIAH MINGGUAN**

Pertama @ RM505 – Kedua @ RM303 – Ketiga @ RM101

**HADIAH UTAMA**

Pertama @ RM5,055 – Kedua @ RM3,033 – Ketiga @ RM1,011

**MINGGU 9 Apakah Pelaburan Amanah Harta Tanah (REIT)**

REIT merupakan tabung unit amanah yang mengumpul wang dari para pelabur yang ingin membuat pelaburan khas di dalam portfolio yang meraih keuntungan daripada harta tanah. Ia merupakan alternatif dan kaedah yang efisien untuk pelabur mendapat pendapatan di dalam bidang perniagaan harta tanah, komersial, pejabat, runcit dan perindustrian kerana ia menggabungkan cara terbaik pemilihan harta tanah dengan kecairan saham. Saham pemasaran utama REITs adalah membuat pelaburan di dalam harta tanah dan menguruskan pendapatan yang diperolehi serta mengagihkan keuntungannya melalui dividen.

Tujuan REITs adalah untuk memberi para pelabur dividen yang kerap dan tinggi hasil daripada kutipan sewa. REITs juga menawarkan kenaikan harga unit amanah melalui peningkatan hasil sewaan, kadar pertumbuhan penghuni dan penyemakan semula sewa. Para pelabur juga mungkin akan menikmati harga unit yang tinggi hasil pelaburan mereka di dalam REITs melalui kenaikan modal harta-harta asas dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang.

REIT merupakan salah satu portfolio penyimpanan yang baik, ini kerana ia mempunyai korelasi yang rendah dengan kelas-kelas aset yang lain seperti ekuiti, bon dan simpanan tetap. Pulangan bagi REITs biasanya kurang berubah-ubah jika dibandingkan dengan ekuiti kerana pada masa yang sama REIT juga berpotensi menawarkan lebih perlindungan terhadap inflasi berbanding dengan bon atau tabung pasaran wang. REITs juga menawarkan kenaikan modal berbanding simpanan tetap atau bon.

**MINGGU 9 Borang Penyertaan. Lengkapkan soalan dengan tepat dan menangi hadiah WANG TUNAI!!!**

1. Ciri-ciri utama REIT adalah seperti berikut **KECUALI**:  
 A. REIT mempunyai kolerasi yang rapat dengan tabung ekuiti  
 B. Bertujuan menawarkan bayaran dividen yang tinggi kepada para pelabur  
 C. Kenaikan hasil sewa akan menambahkan keuntungan REIT
2. Dividen daripada REIT diperolehi daripada \_\_\_\_\_  
 A. Pendapatan sewa  
 B. Penilaian semula lebihan harta  
 C. Penjualan prospektus
3. Kenyataan manakah yang **TIDAK BETUL** mengenai harta REIT?  
 A. Ia mempunyai gabungan ciri-ciri pemilihan harta tanah dan kecairan saham  
 B. Ia mempunyai pelaburan di dalam pejabat dan/atau harta tanah komersial, runcit dan perindustrian  
 C. Harta-harta dipegang atas nama pelabur-pelabur individu

**Butir-Butir Peserta**

Nama : \_\_\_\_\_ (mengikut K/P)  
 Umur : \_\_\_\_ No.KP : \_\_\_\_\_ (Baru)  
 Alamat : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 Untuk dihubungi : \_\_\_\_\_ (rumah)  
 \_\_\_\_\_ (pejabat)  
 \_\_\_\_\_ (t/bimbit)

Stesen radio yang saya gemari ialah:  
 Mix fm     My fm     Era fm  
 Lite fm     98.8 fm     Sinar fm

**Syarat-syarat & Peraturan Peraduan**

1. Tempoh peraduan bermula dari 3 September 2007 hingga 26 November 2007 dan ianya adalah anjuran Persekutuan Pengurus-Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM).
2. Penyertaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas kecuali kakitangan FMUTM, Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC), Agen Unit Amanah Berinstitusi (UTA), Mereka yang berurusan dengan Unit Amanah (PDUU), Agensi pengiklakan atau promosi dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka.
3. Peserta dikehendaki menandakan  pada jawapan yang betul  
 a) **UNTUK HADIAH MINGGUAN** > Hantarkan jawapan yang lengkap dalam masa 7 hari tidak termasuk hari peraduan di ilakkan.  
 b) **UNTUK HADIAH UTAMA** > Kumpul dan hantarkan kesemua 12 borang penyertaan sebelum 26 November 2007. Peserta yang telah menghantar 12 borang penyertaan pada setiap minggu juga akan layak untuk memenangi hadiah utama tertakluk pada para 5 and para 6(b).
4. Salinan fotostat borang penyertaan juga diterima dan peserta digalakkan untuk menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Setiap peserta hanya akan memenangi satu hadiah sahaja.
6. Pengadil adalah seperti berikut:  
 a) **PEMENANG MINGGUAN** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya kemudian diberi satu nombor berseri. Pemilihan akan dibuat

berdasarkan jumlah penyertaan yang layak pada minggu tersebut dan kemudian akan dibahagi tiga (jumlah hadiah mingguan).  
 Contoh : Sebanyak 20,007 penyertaan diterima tetapi hanya 2,077 penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya. Oleh itu hanya 2,077 penyertaan yang akan diberi nombor berseri. Formula > 2,077 ÷ 3 = 692.33.  
 Ini bermakna hadiah pertama akan dimenangi oleh penyertaan yang nombor berserinya 692, hadiah kedua kepada nombor berseri 1,384 (692 x2) dan hadiah ketiga kepada nombor berseri 2,076 (692 x 3).  
 b) **PEMENANG HADIAH UTAMA** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya untuk 12 minggu berturut-turut. Cara pemilihan adalah sama seperti pemilihan pemenang mingguan.